

# Polis kesan lelaki Indonesia bakar MPV polis

Oleh [Asrol Awang](#) - April 24, 2022 @ 5:24pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Keadaan kereta peronda polis yang hangus terbakar di Nenasi, Pekan. - Foto NSTP/Ihsan JBPM Pahang

KUANTAN: Polis sedang mengesan seorang lelaki warga Indonesia dikenali sebagai Asri yang disyaki terbabit dalam kejadian membakar sebuah kereta peronda polis (MPV) di matau balak Kampung Selengkong, Nenasi, Pekan, malam tadi.

Ketua Polis Daerah Pekan, Superintendant Mohd Zaidi Mat Zin, berkata suspek yang berumur lingkungan 30-an itu melarikan diri selepas membakar kenderaan terbabit ke dalam hutan berhampiran.

Katanya, berdasarkan laporan, kejadian berlaku pada jam 11 malam, apabila seorang penjaga tanah matau balak di Kampung Selengkong itu memaklumkan seorang lelaki Indonesia mengamuk di kawasan rumah kongsi matau itu.

"Tiga anggota polis ke tempat kejadian dengan menaiki kereta peronda itu jenis Proton Waja dan menemui suspek berseorangan.

"Ketika pemeriksaan dilakukan, suspek bertindak agresif terhadap anggota polis.

"Suspek yang juga pekerja balak di matau itu memukul dan mencederakan dua anggota polis sebelum bertindak masuk ke rumah kongsi dan mengambil satu objek menyala seperti api dan membalingnya ke dalam MPV itu.

"Ketika itu, seorang anggota yang masih berada di dalam MPV bertindak keluar daripada kenderaan itu untuk menyelamatkan diri.

"Suspek kemudiannya terus melarikan diri ke dalam kawasan hutan berhampiran dan sehingga kini masih belum dapat dikesan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Mohd Zaidi berkata, dua anggotanya hanya mengalami kecederaan kecil akibat bergelut dengan suspek terbabit.

Katanya, pihaknya mengadakan 'Ops Tutup' untuk mengesan lelaki berusia 30-an itu di sekitar tempat kejadian.

Kes disiasat mengikut Sek 436 Kanun Keseksaan iaitu khianat dengan membakar kenderaan pasukan polis.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pahang, Ismail Abdul Ghani, berkata sebuah jentera bersama tujuh anggota termasuk pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat Nenasi telah digerakkan ke lokasi kejadian dan anggaran kemasuhan akibat kebakaran adalah 100 peratus.